

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

'Ada guna kabel mahu beli Pharmaniaga'

Mohamad dakwa terpaksa bertegang urat pertahan anak syarikat Boustead

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan mendedahkan ada pihak menggunakan 'kabel' atau orang hubungan dalam kalangan pemimpin tertinggi negara untuk membeli syarikat Pharmaniaga Bhd (Pharmaniaga) dengan harga murah.

Berikutan itu, beliau terpaksa 'bertegang urat' dalam mesyuarat Jemaah Menteri sebelum ini bagi mempertahankan anak syarikat Boustead Holdings Berhad (Boustead) berkepaan, yang bergiat dalam industri farmaseutikal dan penjagaan kesihatan bersepadu sejak 1994.

Boustead, antara konglomerat tertua di Malaysia adalah cabang pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF).

Tegas Mohamad, beliau mengambil langkah dengan tidak membenarkan urus niaga itu berlaku sambil menegaskan, jika



Mohamad pada sidang media selepas merasmikan MAMPAN25 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

ada yang berdegil mahukan syarikat berkenaan, mesti 'langkah mayatnya' terlebih dahulu.

"MINDEF bagi berbilion-bilion (ringgit) untuk (Pharmaniaga) jalankan perniagaan, uruslah elok-elok. Bagaimana saya bertengkar (pertahan Pharmaniaga) dalam (mesyuarat) Kabinet, hampir-hampir sahaja Pharmaniaga hilang konsesinya.

"Anda tanya Datuk Nazim (Ketua Pegawai Eksekutif LTAT) dan tanya MOF (Kementerian Kewangan). Bukan senang (pertahan Pharmaniaga). Sampai ada orang buat bidaan melalui pemimpin tertinggi nak beli syarikat kita, nak beli murah-murah, macam-macam.

"Saya cakap tidak, 'langkah mayat saya dulu'. Biar saya uruskan,

biar kita sama-sama uruskan syarikat kita. Saya sangat pasti kita boleh bangunkan sendiri," katanya berucap merasmikan Pelan Strategik LTAT 2023-2025 (MAMPAN25), di sini semalam.

April lalu, Pharmaniaga memeterai perjanjian konsesi jangka panjang dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi penyediaan ubat-ubatan dan bekalan perubatan kepada fasiliti kesihatan di bawah kementerian itu.

Syarikat sebelum ini pernah mencatatkan kerugian bersih RM607.32 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 berbanding keuntungan bersih RM172.15 juta tahun sebelumnya, dengan peruntukan RM552 juta untuk stok vaksin COVID-19 yang bergerak perlahan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL

Johor tubuh jawatankuasa teliti syor bina HSA2

Johor Bahru: Satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi memperhalusi cadangan pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA2) di satu tanah milik Kementerian Pertahanan.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, berkata jawatankuasa khas itu akan melihat secara lebih lanjut mengenai cadangan pembinaan hospital itu supaya dapat merangka pelan yang tersusun.

Beliau berkata, pembentukan jawatankuasa khas itu dibuat selepas pelbagai perkara yang dibincangkan kerajaan negeri bersama Kementerian berkenaan dapat dipersetujui.

"Syukur Alhamdulillah, terima kasih Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan atas bantuan serta kerjasama yang

baik menerusi perbincangan berkenaan cadangan pembinaan HSA2 di satu tanah milik kegunaan MINDEF.

"Pelbagai perkara sudah dipersetujui dan satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi memperhalusi cadangan ini dengan lebih lanjut supaya dapat merangka pelan yang tersusun," katanya semalam.

Menurut Onn Hafiz, pembinaan HSA2 amat penting kerana mampu mengurangkan kebergantungan serta kesesakan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) sedia ada.

Terdahulu, Onn Hafiz mewakili kerajaan negeri mengadakan pertemuan dengan Mohamad dan wakil MINDEF.

Yang turut hadir dalam pertemuan itu, Pengerusi Jawatan-

kuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon dan Pengerah Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad.

Selain HSA2, Onn Hafiz berkata, turut dibincangkan dalam pertemuan berkenaan ialah hal ehwal keselamatan dan pertahanan Johor.

"Isu-isu hal ehwal keselamatan dan pertahanan negeri Johor amat mustahak, terutama isu keselamatan sempadan dan perkara ini dibincangkan bersama.

"Semoga usaha sama Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri akan memberi impak positif kepada kualiti hidup rakyat Johor, seterusnya mampu mengangkat Johor sebagai sebuah negeri yang maju," katanya.



Pembinaan HSA2 dapat kurangkan kebergantungan serta kesesakan di Hospital Sultanah Aminah sedia ada.

(Foto hiasan)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL

Jawatankuasa khas perhalusi pembinaan HSA2

Johor Bahru: Satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi memperhalusi cadangan pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA2) di salah satu tanah milik Kementerian Pertahanan (Mindef).

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, jawatankuasa khas itu bakal melihat secara lebih lanjut mengenai cadangan pembinaan hospital itu supaya pelan tersusun dapat dirangka.

Beliau berkata, pembentukan jawatankuasa khas itu dibuat selepas pelbagai perkara dibincangkan Kerajaan Negeri bersama Mindef sudah dapat dipersetujui.

"Syukur Alhamdulillah, terima kasih Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan atas bantuan serta kerjasama baik menerusi perbincangan berkenaan cadangan pembinaan HSA2 di salah satu tanah milik kegunaan Mindef.



ONN Hafiz

"Pelbagai perkara dipersetujui dan satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi memperhalusi cadangan ini dengan lebih lanjut supaya dapat merangka pelan yang tersusun," katanya menerusi hantaran di Facebooknya, semalam.

Menurut Onn Hafiz, pembinaan HSA2 amat penting kerana ia mampu mengu-

rangkan kebergantungan serta kesesakan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) sedia ada.

Terdahulu, Onn Hafiz mewakili Kerajaan Negeri mengadakan pertemuan dengan Mohamad dan Mindef.

Turut hadir, dalam pertemuan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad.

Selain HSA2, Onn Hafiz berkata, turut dibincangkan dalam pertemuan berkenaan adalah berhubung hal ehwal keselamatan dan pertahanan Negeri Johor.

"Isu-isu hal ehwal keselamatan dan pertahanan Negeri Johor amat mustahak, terutama isu keselamatan sempadan Negeri Johor dan perkara ini dibincangkan bersama," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur

Setiap kali melangkah masuk ke mana-mana tandas awam di sekitar ibu negara, Fadilah Ahmad, 64, pastinya akan mengeluh panjang melihat pelbagai kotoran, helaian tisu, tuala wanita yang berteraburan dan tidak dibuang dengan betul ke dalam tong sampah.

"Tidak pernah berubah," getus hatinya. Bukan sahaja marah tetapi kesal dengan sikap pengotor segelintir masyarakat dalam soal penjagaan kebersihan tandas khususnya tandas awam.

Bersara daripada pekerjaannya sebagai tukang cuci di sebuah hotel bertaraf tiga bintang di Lembah Klang sembilan tahun lepas, Fadilah sudah begitu 'masak' dengan sikap mementingkan diri sebahagian besar pengguna apatah lagi jika tandas itu berbayar.

Mentaliti 'ada tukang cuci yang mendapat gaji untuk membersihkannya' membuatkan ramai tidak beretika dan bersikap tidak kisah termasuk untuk memastikan sampah dibuang ke dalam tong sampah, paip air ditutup, tandas dipam selepas digunakan dan tidak membazirkan tisu tandas serta penggunaan air.

"Nilai masalah sikap segelintir masyarakat kita. Mereka fikir apabila sudah bayar untuk menggunakan tandas atau sudah menginap di sebuah hotel, ada pekerja yang boleh mencuci segala kekotoran yang mereka buat.

"Saya pernah menegur seorang yang mengotorkan tandas di lobi hotel selepas menggunakannya tetapi dimarahinya pula saya dan mengatakan itu adalah tugas tukang cuci," kongsiya dengan Bernama.

Pengalaman sama dikongsi Rashid Shukri, pengurus tandas awam di salah satu lokasi tumpuan pelancong di Batu Caves Selangor. Beliau turut berhadapan dengan sikap pengunjug yang tidak mempunyai kesedaran sivik ketika menggunakan tandas awam.

Bukan sahaja kepala paip air di tandas awam jagaannya sering dicuri tetapi isu vandalisme turut berlaku seperti pintu tandas dirosakkan akibat disepak serta sikap pengguna yang membuang gumpalan tisu, seluar dalam dan tuala wanita ke dalam lubang tandas sehingga tersumbat dan rosak.

"Isu kerosakan akan meningkat berkali ganda apabila tiba waktu puncak dan hujung minggu sehingga menyebabkan kami terpaksa menutup tandas bagi melakukan kerja baik pulih dan pembersihan. Ada kalanya, terpaksa membuka lubang kumbahan tandas untuk mengeluarkan sampah yang menyebabkan tandas itu tersumbat," katanya.

Tinjauan Bernama di salah sebuah masjid utama di tengah-tengah ibu kota mendapati tandas di situ sering rosak dan kotor kerana menjadi tumpuan golongan gelandangan yang menggunakan tandas berkenaan untuk mandi dan mencuci pakaian.

Menurut wakil masjid yang tidak mahu namanya disebut, jumlah pengguna tandas di masjid berke-

naan boleh mencecah 200 sehingga 500 orang setiap hari termasuk pelancong sehingga menyebabkan ada ketikanya imam dan bilal juga turun padang untuk memantau keadaan tandas.

"Apabila pengguna terlalu ramai, pelbagai insiden boleh berlaku seperti kes kecurian kepala paip air sehingga menyebabkan pihak masjid perlu segera menggantikannya. Sebenarnya, pihak masjid sudah banyak kali melakukan pembaikan fasiliti tandas yang rosak dan boleh dikatakan hampir setiap minggu," katanya.

Kroniknya isu tandas awam ini apabila rakan penulis turut berkongsi pengalaman sangat meloyakan semasa menggunakan tandas di sebuah medan selera di Kampung Baru yang mempunyai kesan muntah di lantai sehingga menyebabkan berbau busuk selain paip air yang tidak berfungsi.

Sementara tong sampah pula dipenuhi dengan pelbagai sampah sarap yang melimpah serta tidak mempunyai kemudahan lain seperti sabun pencuci tangan, tisu dan pengering lantai.

Hakikatnya, isu tandas kotor masih lagi terus menjadi cabaran buat Malaysia apabila pada tahun 2022 sahaja sebanyak 5,241 tandas awam atau 20 peratus daripada 26,081 tandas awam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berstatus bersih dan dari ke bawah (kurang bersih dan kotor).

SIKAP KITA & KEBERSIHAN

TANDAS AWAM: BUSUK SAMPAI BILA?

Jumlah berkenaan merangkumi tandas awam milik PBT dan swasta melalui Pemeriksaan dan Penarafan Bintang Tandas Awam di bawah Program Tandas Awam Bersih Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (PKPT).

Peraturan itu meliputi semua kategori tandas awam seperti milik PBT, kedai makan/restoran, pusat beli belah, stesen minyak, rumah ibadat, hentian awam, pejabat kerajaan, pusat pelancongan, sekolah menengah/rendah dan institusi pengajian tinggi.

Situasi ini tidak boleh dipandang remeh memandangkan tandas bertaraf B.M.W (Bersih, Menawan, Wangi) yang menjadi sasaran kerajaan masih lagi jauh untuk dicapai sekali gus pasti menjadi cabaran menjelang Tahun Melawat Malaysia 2025. Malaysia dijangka menerima lebih 23 juta pelancong antarabangsa dengan unjuran pendapatan sebanyak RM76.8 bilion.

Isu tandas ini turut mendapat perhatian Menteri PKPT, Nga Kor Ming yang membuat kenyataan meminta semua 155 PBT di seluruh negara mewujudkan unit pemantauan kebersihan tandas awam.

Pihak berkenaan juga diminta me-

laksanakan kerja penyelenggaraan mengikut jadual kerana kebersihan tandas awam berkait rapat dengan imej negara khususnya di destinasi utama pelancongan atau pintu masuk negara.

Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) Datuk Mohd Fadzli Mohd Kenali dipetik berkata, setiap enam bulan sekali, JKT bersama PBT di se-

luruh negara akan menjalankan pemeriksaan dan penarafan bintang terhadap kesemua tandas awam di kawasan PBT.

Hasil pemeriksaan dan penarafan tersebut, pemilik yang mendapat skor dua bintang ke bawah perlu melakukan kerja pem-

bersihan dengan segera atau melakukan penambahbaikan tandas mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Berdasarkan garis panduan yang digunakan, pengiktirafan bintang tandas awam dikategorikan bermula satu hingga lima bintang berdasarkan kepada lapan aspek seperti keadaan persekitaran, struktur dan penyelenggaraan kebersihan.

"Lima bintang merujuk amat bersih, empat bintang bersih, tiga bintang memuaskan, dua bintang sederhana bersih, satu bintang kurang bersih dan tiada bintang adalah kotor," katanya sambil menambah se-

banyak 20,840 tandas awam pada tahun 2022 adalah berstatus tiga bintang dan ke atas.

Setakat tahun 2021 sehingga kini sebanyak 334 tandas awam milik PBT dinaik taraf melibatkan kos sebanyak RM5.2 juta.

Menurut beliau, pendekatan 'seluruh negara' dalam memartabatkan kebersihan tandas awam perlu diamalkan oleh semua kementerian, agensi kerajaan dan swasta selaras dengan inisiatif tandas B.M.W PKPT dan juga matlamat Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ke-enam yang digariskan semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) iaitu penyediaan air bersih dan sanitasi adalah untuk semua.

"JKT juga membangunkan aplikasi MyWC yang memudahkan orang ramai mencari lokasi tandas awam berpandukan petunjuk GPS selain turut dapat melihat penarafan bintang tandas awam. Pengguna juga boleh menilai kebersihan tandas untuk dijadikan panduan

“Isu kerosakan akan meningkat berkali ganda apabila tiba waktu puncak dan hujung minggu sehingga menyebabkan kami terpaksa menutup tandas”
Rashid



PINTU tandas awam rosak dan tidak boleh ditutup dengan sempurna semasa tinjauan di ibu kota.



ANTARA sampah yang ditinggalkan awam semasa tinjauan di salah satu tandas di ibu kota, b.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : LOKAL

pengguna lain. Aplikasi MyWC dapat membantu memupuk sikap bertanggungjawab masyarakat terhadap kebersihan tandas awam," katanya.

Sementara itu, bekas Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Tuan R. Azraei Ramli mencadangkan supaya PBT dan pihak berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu menubuhkan skuad khas bagi memantau kebersihan tandas awam.

Beliau berkata, skuad ini perlu diberikan kuasa untuk mengeluarkan notis dan kompaun bagi mereka yang gagal menjaga serta menggunakan tandas awam dengan beretika.

Misalnya, jika skuad ini mendapati sesebuah tandas itu dalam keadaan sangat kotor dan terdapat fasilitinya rosak, mereka boleh mengeluarkan notis kepada pemilik atau penyelia tandas untuk menjalankan kerja pembersihan dan membaiki fasiliti yang rosak dalam tempoh masa tujuh hari.

Sekiranya gagal, pemilik atau penyelia tandas akan dikenakan tindakan kompaun dan operasi pengambilalihan alih kerja pembersihan serta pembaikan fasiliti tandas berkenaan dilaksanakan skuad ini.

"Segala kos operasi akan dicalai kembali kepada pemilik atau penyelia tandas yang terbabit dan ini

akan membuatkan mereka tidak lagi berani untuk membiarkan tandas awam dalam jagaan mereka kotor dan tidak terurus," katanya.

Bagi pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Syed Muhammad Syed Abdullah, etika menggunakan tandas awam perlu dididik sejak kanak-kanak lagi dan kerana itu beliau melihat ada keperluan untuk memasukkannya dalam mana-mana silibus pendidikan.

Buat masa ini, beliau berkata, masih belum ada sebarang silibus khusus berkaitan dengan etika penggunaan tandas dan kepentingan menjaga tandas awam dan ini yang perlu ditambah baik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Kebanyakan silibus pendidikan hanya menghuraikan skop kebersihan secara umum seperti bertanggungjawab kebersihan dalam masyarakat kecuali kurikulum Pendidikan Khas (masalah pembelajaran) dalam buku teks Pengurusan Kehidupan Tahun Dua yang ada menyentuh kebersihan tandas.

"Penambahbaikan silibus pendidikan ini adalah keperluan mendesak kerana masih ramai lagi tidak beretika ketika menggunakan tandas awam biarpun amalan kebersihan tandas didedahkan sejak prasekolah lagi atau rumah," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri pernah menegur isu kebersihan tandas di sekolah, berikutan kebanyakan tandas sekolah tidak terjaga dan dibaik pulih sepenuhnya sehingga beliau mengarahkan KPM memeriksa tandas berkenaan bagi memastikan setiap murid bertanggungjawab terhadap kebersihan.


Anwar juga turut mengingatkan murid sekolah untuk tidak mengambil mudah isu kebersihan serta penyelesaian tandas dan menyarankan mereka dididik mencuci kemudahan

berkenaan.

Malaysia mungkin boleh mencontohi sistem pendidikan di Jepun dan Korea Selatan yang menjadikan aktiviti membersihkan tandas sekolah sebagai antara salah satu aktiviti wajib murid sekolah bagi mendidik mereka untuk lebih bertanggungjawab dan berdisiplin ketika menggunakan tandas.



di tandas
ah masjid
ru-baru ini.



DINDING dan lantai yang kotor
serta berlaku kebocoran paip
di sinki sebuah tandas awam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA



ONN HAFIZ (tengah) mengadakan pertemuan dengan Mohamad di Mindef, Putrajaya kelmari.

Cadangan bina di tanah milik kementerian di J. Bahru

Johor, Mindef bincang projek HSA2

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU — Kerajaan negeri akan mewujudkan satu jawatankuasa khas bersama Kementerian Pertahanan (Mindef) berhubung pelaksanaan projek Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA2), di daerah ini.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, jawatankuasa itu dibentuk bagi meneliti cadangan pembinaan HSA2 di salah satu tanah milik kementerian tersebut di bandar raya ini.

Menurut beliau, hasrat kerajaan negeri itu telah mendapat sokongan baik daripada Menteri Pertahanan, Datuk Seri

Mohamad Hasan.

"Pembinaan HSA2 amat penting, kerana ianya mampu mengurangkan kebergantungan serta kesesakan di Hospital Sultanah Aminah sedia ada.

"Pelbagai perkara telah dipersetujui, dan satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi memperhalusi cadangan ini dengan lebih lanjut agar dapat merangka pelan yang tersusun.

"Isu-isu hal ehwal keselamatan dan pertahanan negeri Johor juga amat mustahak, terutamanya isu keselamatan sempadan negeri dan perkara ini telah dibincangkan bersama," katanya selepas mengadakan pertemuan

dengan Mohamad di Kementerian Pertahanan di Putrajaya, kelmari.

Tambah Onn Hafiz, pihaknya berharap kerjasama antara kerajaan Johor dan Pusat akan beri impak positif kepada kualiti hidup rakyat Johor, seterusnya mampu mengangkat negeri ini sebagai sebuah negeri yang maju.

Terdahulu, Tian Soon dilaporkan memberitahu, kerajaan negeri sedang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertahanan berhubung isu pengambilan tanah milik Kementerian Pertahanan bagi pembinaan hospital awam baharu di Johor Bahru.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

62 premis perindustrian biak Aedes kena serbu

SHAH ALAM – Sebanyak 62 premis perindustrian dikenakan tindakan selepas didapati membiak nyamuk Aedes dan berisiko menyebabkan penyebaran denggi di sekitar Hulu Selangor dan Rawang, baru-baru ini.

Kesalahan itu dikesan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) yang melakukan serbuan dalam Operasi Bersepadu Cegah Denggi (Ops Industri) di semua premis industri di kawasan tersebut pada Selasa lalu.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman berkata, pihaknya memandang serius peningkatan kes denggi yang berlaku ketika ini sehingga melebihi 43 peratus.

Katanya, sebanyak 30,543 kes dan lapan kematian direkodkan di Selangor sehingga

Minggu Epid 27 sekali gus meningkat berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Justeru, kita melancarkan operasi bersepadu melibatkan 122 anggota penguat kuasa dan menyasarkan 155 premis industri di Bukit Beruntung, Rasa dan Sungai Choh.

"Sebanyak 149 premis telah diperiksa dengan peratusan keseluruhannya berjumlah 96 peratus," katanya hari ini.

Sha'ari menegaskan, pemeriksaan menyeluruh mendapati, sebanyak 41.6 peratus daripada premis itu dikesan positif dengan pembiakan Aedes.

"Kami juga menemui 69 bekas positif Aedes di kawasan semua premis tersebut dengan lima notis dikeluarkan mengikut Seksyen 8 Akta 154 bersama arahan kerja pembersihan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : NEGERI

Kes denggi Selangor meningkat, catat lapan kematian

SHAH ALAM - Jumlah kumulatif kes demam denggi di Selangor dari Januari hingga 8 Julai meningkat sebanyak 43.8 peratus (13,393 kes) dengan 30,543 kes dilaporkan berbanding 17,150 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, sebanyak 4,411



DR SHA'ARI

wabak denggi turut direkodkan bagi keseluruhan Selangor pada Minggu Epidemiologi ke-27 (2 Julai hingga 8 Julai).

Sehingga tempoh itu juga, jelasnya, sejumlah lapan kematian akibat komplikasi demam denggi dicatatkan di negeri itu berbanding empat kematian dalam tempoh sama pada 2022.

Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan Negeri dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor serta semua Pejabat Kesihatan Daerah di negeri itu melancarkan Ops Industri pada Selasa.

"Hasil operasi bersepadu ini, sejumlah 149 premis industri diperiksa dengan peratusan pemeriksaan premis adalah sebanyak 96 peratus," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Tambahnya, hasil pemeriksaan mendapati sebanyak 62 premis (41.6 peratus) positif dengan pembiakan nyamuk aedes dan sebanyak 69 bekas positif aedes turut ditemui.

"Lima notis di bawah Seksyen 8 Akta 154 telah dikeluarkan bersama arahan kerja pembersihan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : NEGERI

Johor dan Mindef tubuh jawatankuasa khas

Teliti cadangan bina
HSA2 untuk kurangkan
kesesakan di HSA

JOHOR BAHRU

Satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi meneliti cadangan pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA2) di salah satu tanah milik Kementerian Pertahanan (Mindef).

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi menerusi satu hantaran di Facebooknya berkata, langkah itu bagi membolehkan pelbagai perkara yang telah dipersetujui dapat direalisasikan, di samping merangka perancangan yang sistematik.

Beliau berkata, pembinaan HSA2 amat penting kerana mampu mengurangkan kebergantungan dan kesesakan sedia ada di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini.

"Syukur Alhamdulillah, terima kasih Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan atas bantuan serta kerjasama yang baik dan semoga usaha sama ke-



Onn Hafiz (tengah) mengadakan pertemuan dengan Mohamad (dua dari kanan) di Pejabat Mindef, Putrajaya pada Rabu.

rajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri akan memberi impak positif kepada kualiti hidup Bangsa Johor, seterusnya mampu mengangkat negeri Johor sebagai sebuah negeri yang maju. Insya-ALLAH.

"Selain itu, isu-isu hal ehwal keselamatan dan pertahanan Johor amat mustahak, terutamanya isu keselamatan sempadan negeri, dan perkara ini telah

dibincangkan bersama," katanya menerusi hantaran itu pada Khamis.

Bulan lepas, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dipetik sebagai berkata, hasil perbincangan antara Kementerian Kesihatan (KKM) dengan Mindef berhubung isu milikan tanah yang dicadangkan bagi pembinaan HSA2, dijangka diketahui dalam dua atau tiga bulan lagi.

- Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35
RUANGAN : EKONOMI



Guna 'pimpinan tertinggi' beli murah Pharmaniaga?

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan mendedahkan, beliau terpaksa bertengkar dalam mesyuarat Jemaah Menteri bagi memastikan anak syarikat milik BHB, Pharmaniaga Berhad tidak jatuh ke tangan pihak lain.

Dedah beliau, ini kerana terdapat pihak tertentu menggunakan 'pimpinan tertinggi' bagi membeli syarikat farmaseutikal tempatan itu.

Pharmaniaga merupakan anak syarikat milik Boustead Holdings Berhad (BHB), milik Lembaga Tabung Angkatan Tentera

(LTAT).

Ahli Parlimen Rembau itu berkata, pihak berkenaan menawarkan untuk membeli Pharmaniaga pada harga rendah, namun beliau bertegas menolak permintaan tersebut.

"Kementerian Pertahanan beri berbilion-bilion perniagaan, uruskanlah baik-baik, saya bertengkar dalam Kabinet, hampir sahaja Pharmaniaga hilang konsesinya.

"Bukan senang, sampai ada buat bidaan melalui pemimpin tertinggi untuk beli syarikat kita dan nak beli murah-murah.

"Saya cakap tidak, dan langka mayat saya dahulu. Biar kita sama-sama uruskan syarikat dan saya yakin kita boleh bangunkan," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) 2023-2025 di sini, semalam.

Februari lalu, Bursa Malaysia Securities Berhad mengumumkan, Pharmaniaga telah mencetuskan kriteria menurut Perenggan 2.1(a) Nota Amalan No. 17 (PN17) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities. Bursa Securities dalam keny-

ataan berkata, pihaknya akan terus memantau kemajuan Pharmaniaga berkenaan dengan pematuhannya dengan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama.

Semalam, Pharmaniaga melalui anak syarikatnya, Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB) memperoleh kontrak baharu daripada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menyediakan perkhidmatan logistik bekalan perubatan selama tujuh tahun.

Syarikat farmaseutikal itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia memaklumkan, kontrak berkenaan bermula 1 Julai

2023 sehingga 30 Jun 2030.

"Susulan surat itu dikeluarkan, tempoh interim yang bermula pada 1 Disember 2019 untuk menyediakan perkhidmatan penyediaan ubat-ubatan dan bekalan perubatan telah tamat.

"Sementara KKM dan PLSB memuktamadkan syarat perjanjian perkhidmatan logistik bekalan perubatan baharu, PLSB akan terus menyokong dan memberikan perkhidmatannya kepada KKM berdasarkan terma penting yang dipersetujui," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION / NEWS

AT LOW PRICE

'I STOPPED PHARMANIAGA BUYOUT ATTEMPT'

Someone made bid
through country's
top leadership, says
defence minister

FUAD NIZAM
KUALA LUMPUR
fuadnizam@nst.com.my

DEFENCE Minister Datuk Seri Mohamad Hasan has revealed that there was an effort to buy out Pharmaniaga Bhd at a low price through the country's top leadership.

He said following this, he had to take the necessary steps to ensure that the buyout did

not happen.

"Over my dead body. Let me manage it. Let us both manage our company and I'm very sure we can develop it ourselves," he said.

"The Defence Ministry has invested billions of ringgit to run the business.

"We have to manage it properly."

Mohamad added that he had to cross swords with the cabinet to prevent Pharmaniaga from being purchased at a low price through "cables" among the country's top leadership.

"I had to argue in the cabinet meeting that Pharmaniaga almost lost its concession.



Defence Minister Datuk Seri Mohamad Hasan (inset) says that he had to cross swords with the cabinet to prevent Pharmaniaga from being purchased. FILE PIX

"Ask LTAT (the Armed Forces Fund Board) chief executive officer Datuk Ahmad Nazim and the Finance Ministry.

"It's not easy. Someone had made a bid through (some) top leaders to buy our company.

"They wanted to buy it (on the cheap," Mohamad said in his speech during the launch of the LTAT Strategic Plan 2023-2025.

In February, Pharmaniaga slipped into the Practice Note 17

category after it posted a net loss of RM607.32 million for the financial year ending Dec 31, 2022, against a net profit of RM172.15 million the previous year, due to lower demand from the government for the purchase of Covid-19 vaccines.

The pharmaceutical company also saw the resignation of its chief executive officer, Datuk Zulkarnain Md Eusope, in March.

In May, Pharmaniaga announced to Bursa Malaysia that its profits in the first quarter end-

ing March 31 this year slumped to RM2.65 million compared with RM277.3 million in corresponding period last year.

Pharmaniaga's earnings were also reduced by 8.5 per cent to RM880.45 million from RM962.17 million previously, most of which was due to low customer demand in the concession segment and Indonesia.

Pharmaniaga is a subsidiary of Boustead Holdings Bhd, a subsidiary of LTAT, and was established in 1994.



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUTS BORDERS

Panel to study hospital construction plan

JOHOR BAHRU: A special committee will be formed to scrutinise the proposed construction of Sultanah Aminah Hospital 2 on land owned by the Defence Ministry, said Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi.

In a Facebook post yesterday, he said the move would allow various matters that had been agreed on to be realised, apart from drawing up a systematic plan.

He said the construction of the hospital was important as it could reduce dependency on and congestion at the existing Sultanah Aminah Hospital.

"Thank God, and thank you Defence Minister Datuk Seri Mohamad Hasan for your help and good cooperation. Hopefully, the joint efforts of the federal and state governments will have a positive impact on the quality of life of the people in Johor.

"In addition, Johor's security and defence are very important, especially state border security, and this matter has been discussed together," he said in the post.

Last month, Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the results of discussions between the Health Ministry and Mindef on the land ownership issue for the construction of the hospital were expected to be known in two or three months. - Bernama